

PARLIMEN - MAHATHIR

1982

KUALA LUMPUR, 12 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT TIDAK ADA PENYELEWENGAN BERLAKU DALAM PETRONAS.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN SENTIASA MENGAWAS BAGI MENJAGA KEPENTINGAN PETRONAS TIDAK DISALAHGUNAKAN.

PENGAWASAN ITU DIBUAT DARI MASA KE SEMASA DAN SEHINGGA INI TIDAK ADA PENYELEWENGAN DALAM PERBADANAN MINYAK ITU, TAMBAH BELIAU SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK SIM KWANG

YANG (DAP-BANDAR KUCHING).

BELIAU MEMINTA ANGGOTA BERKENAAN MENGEMUKAKAN KEPADA KERAJAAN JIKA BELIAU MENDAPAT MAKLUMAT MENGENAI PENYELEWENGAN DALAM PETRONAS.

KEPADA PERTANYAAN ENCIK SIM, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PETRONAS, SEPERTI SYARIKAT-SYARIKAT BERDAFTAR YANG LAIN DIKEHENDAKI MENGEMUKAKAN LAPORAN TAHUNAN DAN AKAUN AUDITNYA KEPADA PENDAFTAR SYARIKAT.

PENYATA TAHUNAN PETRONAS DIAUDIT OLEH SEBUAH FIRMA AKAUNTAN PROFESSIONAL YANG BERTAULIAH SEBELUM IANYA DIKEMUKAKAN KEPADA PENDAFTAR SYARIKAT. -- LAGI 1615/MK

-----  
PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENJELASKAN SALINAN-SALINAN PENYATA ITU DI-KEMUKAKAN JUGA KEPADA BELIAU, KETUA AUDIT NEGARA DAN PERBENDAHARAAN UNTUK PERHATIAN MEREKA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PETRONAS TIDAK PERLU MENGEMUKAKAN PENYATA AKAUN TAHUNANNYA KEPADA KETUA AUDIT NEGARA ATAU JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA KERANA IA SEBUAH SYARIKAT YANG BERDAFTAR DI BAWAH AKTA SYARIKAT 1965.

SEBENARNYA PETRONAS TIDAK DIKECUALIKAN DARIPADA KAWALAN DAN PENELITIAN PARLIMEN, KATANYA.

KATANYA: "ANGGOTA YANG BERHORMAT ITU TIDAK SEDAR BAHAWA KESEMPATAN YANG DIBERIKAN KEPADA BELIAU UNTUK MENGEMUKAKAN PERTANYAAN ITU, SEBENARNYA MERUPAKAN KAWALAN YANG DIPERTANGGUNG-JAWABKAN KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN SEMUA KE ATAS PERJALANAN PETRONAS."

BELIAU MENGAKUI KENYATAAN ENCIK SIM BAHAWA PADA SATU MASA DULU ADA HASIL PENDAPATAN PETRONAS YANG DISIMPAN DI LUAR NEGERI KERANA SIMPANAN DI SANA LEBIH MEMBERI HASIL KEPADA NEGARA. -- LAGI 1624/MK

-----  
PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

TETAPI KINI 100 PERATUS HASIL YANG DIPEROLEHI PETRONAS DISIMPAN DALAM NEGERI, TAMBAH BELIAU.

MENJAWAB PERTANYAAN WAN NAJIB MOHAMAD (BN-PASIR PUTIH) BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK PERLU MEWUJUDKAN SEBUAH KEMENTERIAN KHUSUS UNTUK MINYAK DAN HASIL BUMI NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEMANDANGKAN MINYAK DIANGGAP SEBAGAI HASIL NEGARA YANG PENTING, PETRONAS DILETAKKAN DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI.

DI SAMPING ITU, KERAJAAN MEMPUNYAI KEMENTERIAN PERUSAHAAN UTAMA YANG MELIBATKAN SEMUA JENIS GALIAN NEGARA. -- BERNAMA